

# KEWAJIPAN PENIAGA MEMATUHI PERINTAH

Perintah Kawalan Harga dan Antipencatutan  
(Penandaan Harga Barangan Harga Terkawal) 2019

Perintah Kawalan Harga dan Antipencatutan  
(Penentuan Harga Maksimum) 2019

Perintah Kawalan Harga (Penandaan Harga Oleh Penjual Runcit) 1993

---

## A. *Kewajipan Peniaga:*

- i. Kerajaan mewajibkan peniaga **menjual barangan harga terkawal tidak melebihi harga maksimum** yang ditentukan;
- ii. Meletakkan **tanda harga berwarna merah jambu** ke atas barangan harga terkawal bagi membezakannya dengan barangan lain; dan
- iii. **Mempamerkan tanda harga** ke atas semua barangan yang dijual.

## B. *Tindakan akan diambil ke atas peniaga sekiranya didapati melakukan kesalahan-kesalahan berikut:*

- i. Menjual melebihi harga maksimum yang telah ditentukan;
- ii. Gagal meletakkan tanda harga berwarna merah jambu bagi barangan harga terkawal; dan
- iii. Gagal mempamerkan tanda harga atau senarai harga ke atas barangan yang dijual.

## C. *Penalti bagi kesalahan:*

**Kesalahan menjual barangan harga terkawal melebihi harga maksimum yang telah ditentukan**

- i. Bagi **individu** yang melakukan kesalahan menjual barangan harga terkawal melebihi harga maksimum yang telah ditentukan boleh didenda oleh mahkamah sehingga RM100,000 atau dipenjarakan tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya atau dikompaun sehingga RM50,000. Manakala bagi **syarikat** yang melakukan kesalahan tersebut boleh didenda sehingga RM500,000 atau dikompaun sehingga RM250,000.

## **Kesalahan gagal meletakkan tanda harga berwarna merah jambu bagi barangan harga terkawal yang dijual**

- ii. Bagi **individu** yang melakukan kesalahan gagal meletakkan tanda harga berwarna merah jambu bagi barangan harga terkawal yang dijual boleh didenda oleh mahkamah sehingga RM10,000 atau dikompaun sehingga RM5,000. Manakala bagi **syarikat** yang melakukan kesalahan tersebut boleh didenda sehingga RM20,000 atau dikompaun sehingga RM10,000.

## **Kesalahan gagal meletakkan tanda harga atau senarai harga ke atas barangan yang dijual**

- iii. Bagi **individu** yang melakukan kesalahan gagal meletakkan tanda harga atau senarai harga ke atas barangan yang dijual :

### **Denda maksimum**

#### **▪ Orang perseorangan**

- Kesalahan pertama RM 50,000 atau dua tahun penjara
- Kesalahan kedua atau berikutnya RM100,000 atau lima tahun penjara

#### **▪ Pertubuhan Perbadanan/Syarikat**

- Kesalahan pertama RM 100,000
- Kesalahan kedua atau berikutnya RM 250,000

### **Kompaun**

- Maksimum sehingga RM25,000 bagi individu dan RM50,000 bagi pertubuhan perbadanan/syarikat.

**BAHAGIAN PENGUATKUASA  
KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN HAL EHWAL PENGGUNA  
PUTRAJAYA**